

## Ramai lepasan SPM, pekerja sementara pilih politeknik untuk sambung belajar



ZAINAB Ahmad (dua dari kiri) bersama penuntut terbaik keseluruhan Iffah Nabihah Abdullah (tiga dari kanan) pada Majlis Konvokesyen PKB Ke-35 di Kota Bharu, Kelantan, hari ini. - FOTO/ROSLIZA MOHAMED

KOTA BHARU: Politeknik di seluruh negara menerima kemasukan kira-kira 70 hingga 80 peratus penuntut yang terdiri daripada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan pekerja sementara setiap tahun.

Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan dan Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi, Zainab Ahmad berkata, jumlah purata kemasukan itu direkodkan setiap tahun terutamanya kemasukan pada bulan Ogos.

Menurutnya, ada dalam kalangan penuntut yang menyambung pengajian lewat dipoliteknik selepas mengambil keputusan untuk mencari pelajaran bekerja bagi mengumpul sejumlah wang terlebih dahulu.

“Politeknik banyak melahirkan penuntut yang berjaya termasuk dalam kemasukan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

“Bagaikan apapun, pandemik Covid-19 yang melanda negara selama dua tahun turut menjejaskan kemajuan pelajar ke politeknik. Kita akui pandemik memberikan kesan kepada kemajuan penuntut di semua institusi pendidikan lain dan politeknik juga tidak terkecuali,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Konvokesyen Politeknik Kota Bharu (PKB) Ke-35 di Kompleks Balli Islam Lundang, disini hari ini.

Zainab memberitahu, pendidikan TVET akan menjadibidang tumpuan kerana graduan dilihat mampu menggerakkan Keluarga Masyarakat menuju masa depan 5.0 seperti yang diharatkan oleh kerajaan.

“Politeknik memainkan peranan yang sangat penting dan efisien untuk merealisasikan usaha murni menjadikan TVET yang kehadapan sebagai bidang tumpuan negara,” ujarnya. – [UTUSAN](#)

Sumber : <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/09/ramai-lepasan-spm-pekerja-sementara-pilih-politeknik/>